

Dr Mahathir melawat Poland tiga hari

Daripada Ahmad Rejal Arbee

WARSAW, Rabu — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini esok dari Berlin, Jerman, untuk memulakan lawatan rasmi tiga hari dalam rangka meningkatkan hubungan dua hala Malaysia-Poland.

Lawatan itu adalah yang pertama oleh seorang Perdana Menteri **Malay** ke Poland. Bagaimanapun Presidennya, Aleksander Kwasniewski dan bekas Perdana Menteri yang kini Menteri Luar, Wlodzimierz Cimoszewicz, masing-masing pernah melawat Malaysia pada 1999 dan 1997.

Malaysia mengharapkan hubungan dengan Poland ditingkatkan memandangkan negara ini akan menganggotai Kesatuan Eropah

(EU) pada 2004. Poland boleh dijadikan pintu masuk eksport barang Malaysia ke negara EU, negara Eropah Timur, Russia dan Ukraine.

Dr Mahathir dijadual mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri Leszek Miller sejurus tiba di sini, diikuti mesyuarat rasmi antara kedua-dua negara.

Turut menyertai rombongan Malaysia ialah Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar; Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz; Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Abdul Taib Mahmud.

Beberapa pegawai kanan kerajaan termasuk Ketua Setiausaha Kement-

rian Kewangan, Tan Sri Dr Shamsuddin Hitam dan Datuk Dr Abdullah Tahir (Perusahaan Utama), turut serta

Duta Besar Malaysia di sini, Datuk Ng Bak Hai, berkata perbincangan kedua-dua negara nanti akan meninjau pelbagai aspek yang boleh meningkatkan kerjasama Kuala Lumpur-Warsaw, termasuk dalam bidang pelancongan, kebudayaan dan kesenian.

Empat hari lalu Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir berada di sini bersama rombongan kesenian dan kebudayaan. Mereka mengadakan pertunjukan kebudayaan Malaysia di panggung negara di sini, yang mendapat sambutan baik.

Mesyuarat antara ke-

dua-dua delegasi rasmi juga akan meninjau usaha meningkatkan perdagangan dan pelaburan.

Ketika ini hubungan perdagangan kedua-dua negara hanya bernilai sekitar AS\$97 juta tahun lalu dengan Malaysia membeli pelbagai jenis logam, kimia dan baja. Poland pula mengimport getah, peralatan telekomunikasi dan pemprosesan data, transistor dan pakaian.

Poland juga terkenal dengan kehalusan barangan kristalnya yang mungkin diminati. Malangnya sejumlah besar barangan itu dieksport oleh Poland melalui negara ketiga.

Perbincangan nanti akan mencari jalan bagaimana dagangan dua hala dapat dilaksanakan secara terus antara kedua-dua negara.

Malaysia' juga berusaha menggalakkan Poland menambahkan pembelian minyak sawitnya.

Dalam bidang pelancongan, tidak ramai rakyat Malaysia melawat negara ini kerana kekurangan pengetahuan berbanding pelancong Poland ke Malaysia semakin meningkat kebanyakannya melawat Langkawi, Pulau Pinang dan Sarawak.

Selain mengunjungi Presiden Aleksander Kwasniewski di Istana Presiden esok, Dr Mahathir akan menyampaikan ucapan di majlis makan tengah hari dengan ahli perniagaan Poland.

Perdana Menteri akan melawat Briged Perisai Pertama tentera Poland untuk menyaksikan demonstrasi pelbagai kereta perisai dan kereta kebal,

termasuk battletank PT91.

Malaysia sedang mengkaji kemungkinan membeli sekitar 70 kereta kebal untuk meningkatkan keupayaan tentera daratnya. Salah satu daripadanya ialah PT91 huatan Poland ini. Tawaran telah pun diterima dari Japan negara termasuk Sweden, Ukraine, Pakistan, India dan China setain Poland.

Pada Jumaat, Dr Mahathir akan melawat pelabuhan Gdansk bagi meninjau limbungan kapal Navy Gdynia yang membina bukan saja kapal tentera laut tetapi juga kapal biasa. Demonstrasi kebolehan kapal minesweeper dan landing craft akan diadakan. Beliau dijadualkan menuaikan solat Jumaat di Masjid Gdansk-Oliwa.